

# MAKHRAJ DAN SIFAT HURUF

## OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Pemahaman Pengenalan Asas Ilmu Tajwid:** Memberi pengenalan asas ilmu tajwid serta kepentingannya dalam membaca al-Quran dengan betul. Pelajar dapat mengenal kesalahan bacaan dan memahami tingkatan bacaan al-Quran.
- b) **Mendalami Setiap Makhraj Huruf:** Menjelaskan maksud makhraj huruf dan tempat keluarnya huruf-huruf hijaiyyah berdasarkan pembahagiannya. Pelajar dapat menyebut huruf dengan tepat berdasarkan makhraj yang betul.
- c) **Menerokai Sifat-sifat Huruf:** Menerangkan maksud dan pembahagian setiap sifat huruf dalam ilmu tajwid. Pelajar dapat membezakan dan mengaplikasikan sifat huruf bagi menyebut huruf dengan sifat yang betul dan tepat sekali gus memperelokkan bacaan al-Quran.

## SESI PERTAMA

# Pengenalan Tajwid

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pelajar akan dapat memahami pengertian tajwid serta peranannya dalam memelihara ketepatan dan keindahan bacaan al-Quran. Pelajar juga dapat mengenal pasti pelbagai bentuk kesalahan bacaan, termasuk kesalahan yang mengubah makna dan kesalahan yang merosakkan kelancaran sebutan. Di samping itu, pelajar mampu menerangkan tingkatan-tingkatan bacaan al-Quran seperti tartil, tahqiq, tadwir dan hadr serta mengetahui situasi yang sesuai untuk setiap tingkatan.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pengertian dan Hukum Mempelajari Tajwid
- Kesalahan-kesalahan dalam Bacaan al-Quran
- Tingkatan Bacaan al-Quran

## SESI PERTAMA: PENGENALAN TAJWID

### PENDAHULUAN

Memelihara bacaan al-Quran dengan ilmu tajwid adalah tuntutan syarak yang berlandaskan firman Allah agar setiap huruf dibaca dengan tepat, teratur dan jelas. Perintah membaca dengan tartil menunjukkan betapa pentingnya ketelitian dalam bacaan supaya lafaz al-Quran kekal terpelihara dan maknanya tidak berubah.

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ؕ

Maksudnya: “Dan bacalah al-Quran dengan ‘Tartil’”.

(Surah al-Muzzammil 73: 4)

Dengan menjaga tajwid, kita bukan sahaja memelihara lafaz al-Quran, bahkan menyempurnakan adab terhadap kitab suci serta mendekatkan diri kepada Allah melalui bacaan yang benar dan penuh penghayatan.

### PENGETIAN DAN PERANAN TAJWID

Tajwid berasal daripada perkataan جَوَّدَ (jawwada) yang difahami dari sudut bahasa bermaksud memperelokkan atau memperindahkan. Dari sudut istilah pula tajwid bererti mengeluarkan huruf dari tempatnya dengan memberikan hak sifat-sifat yang dimilikinya. Ringkasnya, ilmu tajwid adalah ilmu tentang cara membaca al-Quran dengan baik dan betul.

Ilmu ini sangat penting kepada seluruh umat Islam supaya dapat membaca ayat suci al-Quran secara fasih, lancar serta dapat memelihara lidah daripada kesalahan-kesalahan ketika membaca al-Quran.

## HUKUM MEMPELAJARI ILMU TAJWID

Hukum mempelajari ilmu tajwid adalah fardu kifayah. Ia menjadi tuntutan kepada seluruh umat Islam tetapi jika sebahagian daripadanya telah melaksanakannya, maka gugurlah kewajiban itu daripada yang lain. Namun, ia tetap menjadi kewajiban jika tiada sesiapa yang melakukannya, dan jika ia tidak dilaksanakan langsung, maka semua akan berdosa.

Akan tetapi, hukum mengamalkan tajwid ketika membaca al-Quran adalah fardu ain, atau wajib ke atas setiap lelaki dan perempuan yang mukallaf.

## KESALAHAN-KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QURAN

Terdapat dua jenis kesalahan dalam al-Quran, iaitu kesalahan yang nyata dan kesalahan yang tersembunyi.

### **1. Kesalahan yang Nyata (الْلَحْنُ الْجَلِي)**

Kesalahan yang nyata berlaku apabila terdapat kesalahan pada sebutan huruf atau perubahan pada tanda baris, sama ada membawa kepada perubahan makna atau tidak. Kesalahan ini dihukumkan haram dan berdosa. Jika kesalahan ini berlaku dalam bacaan solat, maka tidak sah atau tidak sempurna solat tersebut.

Antara kesalahan nyata yang dapat mengubah makna adalah:

- a) Menggantikan suatu huruf dengan huruf yang lain

Contoh:

وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: "... dan mudah-mudahan kamu bersyukur."

(Surah al-Jatsiyah 45: 12)

Apabila lafaz “*tasykurun*” yang menggunakan huruf syin (ش) berubah menjadi “*taskurun*” dengan dibunyikan huruf sin (س), maka ertinya berubah menjadi “... *dan mudah-mudahan kamu mabuk*”.

b) Bergantinya suatu harakat atau baris dengan harakat lain

Contoh:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: “(iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau kurniakan nikmat kepada mereka...”

(Surah al-Fatihah 1: 7)

Apabila lafaz أَنْعَمْتَ dengan huruf ta’ berharakat fathah (ت) dibaca menjadi “an’amtu”, iaitu ta’ ditukar kepada dammah (ُت), maka dhamirnya atau kata panggilan berubah menjadi “ana” (أَنَا). Akibatnya, maknanya juga berubah menjadi “(iaitu) orang-orang yang telah aku kurniakan nikmat kepada mereka.”

c) Penambahan atau pengurangan huruf

Contoh:

أَنْعَمْتَ (an’amta) dibaca أَنْمْتَ (anamta): hilang huruf ‘ain ع  
أَنْعَمْتَ (an’amta) dibaca أَنْعَمْتَهُ (an’amtah): ditambah huruf هـ

Adapun Lahn Jaliyy yang tidak mengubah makna, contohnya lafaz:

الْحَمْدُ لِلَّهِ (alhamdulillah) dibaca menjadi الْحَمْدُ لِلَّهِ (alhamdulillahu), walaupun tidak mengubah makna, tetapi ia tetap tergolong dalam lahn jaliyy.

## 2. Kesalahan yang Tersembunyi (اللَّحْنُ الْخَفِي)

Kesalahan yang tersembunyi adalah kesalahan yang tidak membawa kepada perubahan makna seperti meninggalkan dengung, memendekkan bacaan mad atau membaca izhar pada lafaz yang sepatutnya dibaca ikhfa'. Kesalahan ini tidak sampai mencacatkan solat, namun begitu, para pembaca al-Quran patut meninggalkannya.

Contoh:

- a) Tidak dibaca ghunnah

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ٨١

Maksudnya: *“Maka ia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ringan.”*

(Surah al-Inshiqaq 84: 8)

Pada perkataan ini, berlaku hukum tajwid idgham maal ghunnah atau idgham bi ghunnah yang memerlukan bacaan secara dengung atau ghunnah. Jika tidak dibaca secara dengung, maka bacaan dianggap kurang tepat.

- b) Memendekkan bacaan mad

وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ

Maksudnya: *“Dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya.”*

(Surah al-Baqarah 2: 50)

Bagi perkataan ini, sepatutnya dibaca panjang 4 atau 5 harakat. Kesalahan berlaku dari sudut tajwid jika ia dibaca kurang daripada jumlah harakat yang sepatutnya atau tidak cukup harakat.

c) Membaca jelas (izhar) pada bacaan dengung

وَتَنَسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ

Maksudnya: “*Sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri.*”

(Surah al-Baqarah 2: 44)

Pada perkataan ini sepatutnya dibaca dengan bacaan ikhfa' atau dengung secara sembunyi. Menjadi kesalahan jika dibaca dengan jelas tanpa didengungkan kerana menyalahi hukum tajwid.

Maka ketika membaca kitab suci al-Quran, kita mesti menjauhi **kesalahan yang jelas** (الْلَحْنُ الْجَلِي) dan **kesalahan yang tersembunyi** (الْلَحْنُ الْخَفِي) agar sesuai dengan perintah Allah yang memerintahkan kita supaya membaca al-Quran dengan tartil.

## **TINGKATAN BACAAN AL-QURAN**

Bacaan al-Quran adalah jelas berbeza dengan nyanyian. Keindahan lantunannya melebihi kesemua bunyi lain. Walaupun berlainan dengan lagu, bacaan al-Quran itu sendiri mempunyai tempo atau kelajuan tingkatan yang dibahagikan kepada empat peringkat.

### **1. At-Tahqiq**

At-Tahqiq merupakan tingkatan yang paling lambat dan perlahan-lahan. Ia digambarkan seperti seseorang membaca ayat sambil membetulkan bacaan makhraj huruf, memastikan kadar bacaan panjang satu alif (mad) dan dengungan (ghunnah) di baca dengan tepat.

Cara bacaan ini biasanya digunakan semasa mengajarkan al-Quran bagi melatih lidah, bibir dan anggota sebutan lain supaya huruf dan sifat-sifatnya diucapkan dengan tepat.

## **2. At-Tartil**

At-Tartil ertinya membaca al-Quran dengan perlahan dan tenang. Setiap huruf dilafazkan satu per satu dengan jelas dan tepat menurut makhraj dan sifatnya, serta terpelihara ukuran panjang pendeknya, dan berusaha untuk memahami maknanya. Membaca dengan tartil lebih baik dan diutamakan.

Bacaan secara tahqiq ini kebiasaannya dibaca ketika solat atau mentadabbur al-Quran.

## **3. At-Tadwir**

Tadwir ialah tingkatan bacaan yang berada pada pertengahan antara tartil dan hadr. Bacaan at-tadwir ini dikenal dengan bacaan yang sederhana, tidak terlalu cepat dan juga tidak terlalu perlahan. Kebiasaannya dibaca oleh imam dalam solat berjemaah.

## **4. Al-Hadr**

Hadr ialah peringkat atau tempo bacaan yang cepat, namun masih menepati hukum-hukum tajwid. Temponya lebih pantas berbanding tadwir.

Bacaan ini biasanya diamalkan oleh mereka yang telah menghafal al-Quran supaya dapat mengulangi bacaan dalam masa yang singkat atau semasa melatih hafalan dengan membacakan hafalan kepada guru untuk diperiksa kesahihannya. Cara bacaan seperti ini juga lazim dilakukan semasa mendengar dan meniru bacaan al-Quran daripada guru.

Daripada keempat-empat peringkat bacaan al-Quran tersebut, menurut Imam Abu Hamid al-Ghazali, membaca al-Quran dengan tartil adalah yang disunnahkan, sama ada qari memahami maksudnya atau tidak. Bacaan tartil bukan sahaja diperintahkan oleh Allah dalam surah al-Muzammil ayat 4, malah bacaan sedemikian lebih terasa penuh hormat dan menyerap ke dalam hati. Selain itu, membaca dengan tartil dianggap lebih utama kerana al-Quran diturunkan secara tartil, iaitu perlahan-lahan.

## **PENUTUP**

Sebagai penutup, marilah kita mengingat bahawa mempelajari dan memahami al-Quran bukan sahaja penting untuk bacaan yang betul mengikut tajwid tetapi juga sebagai amalan yang dicintai Allah. Seperti sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عُمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ»

Sayidina Uthman r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.”

(Sahih Bukhari [5027])

Maka, marilah kita berusaha membaca al-Quran dengan tajwid yang sempurna dan menyebarkan ilmu ini kepada orang lain kerana itulah termasuk golongan terbaik di sisi Allah.

## SESI KEDUA

# MAKHRAJ HURUF

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir pembelajaran topik *Makhraj Huruf*, pelajar akan dapat memahami maksud makhraj huruf dan kepentingannya, mengenal pasti lima kawasan utama tempat keluarnya huruf serta menyebut setiap huruf dengan betul mengikut makhrajnya. Akhirnya, pelajar dapat mengaplikasikan kesemua kemahiran ini dalam bacaan al-Quran dengan sebutan yang tepat dan konsisten.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Maksud Makhraj Huruf
- Al-Jauf
- Al-Halq
- Al-Lisan
- Asy-Syafatain
- Al-Khaisyum

## SESI KEDUA: MAKHRAJ HURUF

### PENDAHULUAN

Bagi memulakan sesi kita pada kali ini, kita akan memfokuskan mengenai tajuk yang amat penting, iaitu mengenai makhraj huruf.


Dalam mempelajari tajwid, perhatian terhadap makhraj huruf amat ditekankan kerana ketepatan sebutan huruf merupakan asas kepada bacaan al-Quran yang sahih dan terpelihara daripada kesalahan. Ilmu ini penting bagi memastikan bacaan al-Quran yang tepat tanpa mengubah bunyi atau makna ayat. Dengan memberi sepenuh perhatian kepada makhraj huruf, kita memastikan bahawa bacaan yang dibaca adalah tetap asli sepertimana yang diajar kepada Nabi Muhammad SAW dan diwarisi oleh para qari sejak generasi awal.

### MAKHRAJ HURUF

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, makhraj bermaksud tempat keluar bunyi huruf. Makhraj huruf bermaksud tempat keluar sebutan huruf-huruf hijaiyyah. Perkataan jamak bagi makraj adalah makharij, iaitu tempat-tempat keluar huruf.

Untuk mengetahui makhraj atau tempat keluar bagi sesuatu huruf, huruf tersebut perlu dijadikan *sakin*, iaitu huruf berbaris mati atau *mushaddad* (مُشَدَّد), iaitu huruf berbaris sabdu atau syaddah. Namun antara kedua-duanya, penggunaan *mushaddad* adalah lebih berkesan. Sebelum itu, hendaklah dibaca huruf hamzah yang berbaris sama ada *maftuhah* (huruf berbaris atas), *maksurah* (huruf berbaris bawah) atau *madhmumah* (huruf berbaris hadapan). Di mana bunyi itu berakhir, ini akan menjadi makhraj bagi huruf tertentu seperti *أَب* atau *أَبْ*. Bunyi itu yang bergantung kepada makhraj tertentu, sama ada makhraj ini khusus, iaitu muhaqqaq (مُحَقَّق) seperti dari kerongkong, lidah atau bibir; atau anggaran, iaitu muqaddar (مُقَدَّر) contohnya dari bahagian mulut dan tekak.


Terdapat lima pembahagian umum kesemuanya, iaitu:



### 1) AL-JAUF

Al-Jauf bermaksud ruang kosong, rongga atau kekosongan dalam mulut dan tekak. Bagi makhraj huruf ini, ia merupakan makhraj khusus bagi 3 huruf mad yang dikeluarkan melalui rongga mulut, iaitu ا و ي:

- huruf alif.
- waw sakinah yang didahului dengan dhammah.
- huruf ya sakinah yang didahului dengan kasrah.



تِلْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهَا إِلَيْكَ ۗ

Maksudnya: “(Kisah Nabi Nuh) itu adalah dari perkara-perkara yang ghaib yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad).”

(Surah Hud 11: 49)

Alif dijadikan huruf asas atau huruf utama kerana *mad* sentiasa berlaku padanya, tidak seperti dua “saudaranya”, iaitu huruf waw dan ya’. Jika waw dan ya’ itu *mutaharrik* (مُتَحَرِّكٌ) atau berharis, maka *mad* tidak berlaku padanya dan ia akan mempunyai makhraj yang berbeza sama sekali. Ketiga-tiga huruf ini dikenali sebagai **huruf mad**, iaitu huruf yang memanjangkan bunyi kerana ia membolehkan suara dipanjangkan.


Ibn al-Jazari menyebut tentang satu perkara penting, iaitu dengan menyatakan bahawa bunyi huruf-huruf ini berakhir di udara (لِلْهَوَاءِ تَنْتَهِي). Sebelum ini telah dinyatakan bahawa tempat berhentinya bunyi dianggap sebagai makhraj sesuatu huruf. Jika kita perhatikan huruf-huruf *mad*, kita mungkin mendapati bahawa bunyinya sebenarnya tidak berhenti di al-jauf tetapi ia meneruskan keluar melalui al-jauf dan hakikatnya berhenti di luar mulut, iaitu pada titik akhir bunyi.

Bagaimana disebut al-jauf sebagai makhraj bagi huruf-huruf ini, sedangkan bunyinya tidak benar-benar berhenti di situ? Walaupun bunyi huruf-huruf ini berakhir di luar mulut tetap dianggap al-jauf sebagai makhraj kerana bunyi huruf-huruf ini secara dominannya hadir dalam mulut. Berbanding dengan huruf lain, huruf *mad* adalah lemah. Tetapi, oleh sebab bunyinya sangat bergantung pada rongga mulut dan kebanyakannya berlaku dalam mulut, maka ditetapkan al-jauf sebagai makhrajnya.

Huruf-huruf yang keluar dari al-jauf, iaitu mulut tidak terikat dengan satu titik makhraj yang khusus. Bunyi huruf-huruf ini hanya berhenti apabila nafas terputus. Makhraj huruf-huruf ini lebih umum kerana ia bergantung kuat pada aliran udara ketika menyebutnya. Huruf-huruf ini juga dikenali sebagai al-huruf al-hawa'iyah (الْحُرُوفُ الْهَوَائِيَّةُ) yang merujuk kepada sifatnya yang “berunsur udara”.

## 2) AL-HALQ

Al-halq bermaksud kerongkong tekak atau halkum. Terdapat enam huruf kesemuanya yang keluar dari kerongkong tekak, iaitu خ غ ع ح ه ء. Huruf-huruf ini juga dipanggil الحروف الحلقية, dan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:



a) Pangkal kerongkong: (ه ء)

Pangkal kerongkong ini juga dipanggil أقصى الحلق yang merujuk kepada bahagian terdalam tekak, iaitu kawasan yang paling jauh daripada bukaan mulut dan paling hampir dengan dada dan peti suara.

- Hamzah (ء): Dihasilkan dengan penutupan penuh peti suara diikuti dengan pelepasan udara secara mengejut.

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۗ

Maksudnya: “Sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya).”

(Surah al-Baqarah 2: 255)

- Haa (هـ): Bunyi lembut dan bernafas yang terhasil apabila menghembuskan udara melalui tekak yang sedikit disempitkan.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.’”  
(Surah al-Ikhlâs 112: 1)

b) Tengah kerongkong (ع ح)

Bahagian tengah kerongkong atau وَسَطُ الْحَلْقِ adalah tempat keluar huruf untuk dua huruf:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksudnya: “Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.”  
(Surah al-Fatihah 1: 1)

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya: “Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.”  
(Surah al-Fatihah 1: 5)

c) Hujung Kerongkong (خ غ)

Hujung kerongkong dipanggil اُدْنَى الْحَلْقِ yang bermaksud pintu masuk tekak, iaitu bahagian tekak yang paling dekat dengan mulut. Bahagian ini menghasilkan bunyi dari tepi atas tekak, jadi ia dinamakan adna al-halq. Huruf yang keluar dari bahagian ini adalah dua, iaitu خ dan غ.

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Maksudnya: “Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.”

(Surah al-Fatihah 1: 7)

وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: “Sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.”  
(Surah al-Baqarah 2: 25)


### 3) AL-LISAN

Al-lisan bermaksud lidah. Terdapat 18 huruf yang keluar daripada makhraj lisan atau lidah, iaitu:

ت د ط ث ذ ظ ص ز س ر ن ل ض ج ش ي ك ق

Makhraj lidah ini pula terbahagi kepada 4 bahagian khusus, iaitu:

- Pangkal lidah
- Tengah lidah
- Tepi Lidah
- Hujung lidah



- Pangkal lidah, berhampiran dengan kerongkong menyentuh bahagian anak tekak: ( ق )
- Pangkal lidah menyentuh lelangit belakang: ( ك )

Ibn al-Jazari menyebut bahawa huruf qaf dan kaf keluar dari bahagian belakang lidah, namun lidah tetap perlu menyentuh satu tempat agar huruf-huruf ini dapat dibunyikan. Bagi qaf, bahagian belakang lidah menyentuh lelangit lembut di atasnya manakala bagi kaf, ia menyentuh lelangit keras.

وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ ۖ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri.”

(Surah al-Baqarah 2: 231)

- Tengah lidah ditekan ke lelangit atas: ( ي ج ش )

Huruf ي ج ش keluar dari bahagian tengah lidah. Bahagian tengah lidah ini juga perlu menyentuh sesuatu tempat, iaitu lelangit di bahagian atasnya supaya huruf-huruf ini dapat dibunyikan. Huruf ي yang disebut di sini bukan ي yang sama seperti yang sudah disebut pada makhraj mulut atau al-jauf. ي ini ialah ي ghayr maddah, iaitu ي tanpa mad, yang merangkumi ي mutaharrikah dan ي lin.

قَالَ يَاقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

Maksudnya: “(Nabi Hud) ia berkata: ‘Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya.’”

(Surah Hud 11: 50)

وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

Maksudnya: “Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau, dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya.”

(Surah Luqman 31: 15)

- Tepi atau sisi lidah (kiri atau kanan) dirapatkan pada gigi geraham atas (bahagian dalam): ( ض )

Huruf ض disebut apabila sisi lidah, sama ada kiri atau kanan menyentuh semua gigi geraham bahagian atas. Sebutan ini boleh dilakukan melalui bahagian kiri mulut dan cara ini dianggap paling mudah. Ia juga boleh dilakukan melalui bahagian kanan, namun kaedah tersebut biasanya lebih sukar.

Ibn al-Jazari tidak menjelaskan secara khusus gigi geraham yang mana, sama ada geraham atas atau geraham bawah. Namun, terdapat dua kemungkinan dalam memahami maksud beliau:

- a) Secara umum, para ulama memahami bahawa yang dimaksudkan ialah gigi geraham atas.
- b) Kehadiran alif lam ta'rif pada perkataan الأضراس dalam Matan al-Jazariyyah menunjukkan satu bentuk pengkhususan, iaitu daripada semua gigi geraham, geraham atas dituju secara khusus.

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ؕ

Maksudnya: “Tuhan yang menguasai segala alam langit dan bumi.”

(Surah al-Buruj 85: 9)

- Hujung lidah ditekan ke gusi di atas gigi depan (bahagian dalam): ( ل )

Makhraj huruf lam adalah daripada bahagian depan lidah dan hujung lidah. Bahagian lidah perlu menyentuh sesuatu tempat untuk membunyikan huruf ini.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ؕ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”

(Surah at-Tin 95: 4)

- Hujung lidah ditekan ke langit depan, sedikit ke belakang daripada makhraj huruf Lam: ( ن )

Makhraj huruf nun didapati lebih rendah daripada makhraj lam, iaitu hujung lidah menyentuh gusi gigi kacip tengah atas.

إِنِّي إِذَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ٢٤

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) tentulah aku pada ketika itu berada dalam kesesatan yang nyata.*”

(Surah at-Tin 95: 4)

- Hujung lidah diangkat ke langit atas serta dilengkungkan sehingga terlihat lidah bahagian belakang: ( ر )

Makhraj huruf ra berdekatan dengan huruf nun, namun terdapat sedikit perbezaan; bahagian atas lidah turut terlibat ketika ia menyentuh gusi gigi kacip tengah bahagian atas.

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa huruf lam, ra dan nun berasal daripada satu makhraj yang sama, iaitu hujung lidah apabila menyentuh bahagian atas langit. Namun menurut kebanyakan ulama, makhraj ketiga-tiga huruf ini sebenarnya berbeza: **Lam** melibatkan bahagian depan lidah secara lebih luas, **ra** melibatkan bahagian atas lidah dan sifat getaran (taqirir), manakala **nun** khusus pada hujung lidah sahaja dengan bantuan ghunnah dari rongga hidung. Dengan itu, ketiga-tiga huruf ini dapat dibezakan dengan jelas.

وَلَقَدْهُمْ نَضْرَةً وَسُرُورًا

Maksudnya: “*Serta memberikan kepada mereka keindahan yang berseri-seri (di muka), dan perasaan ria gembira (di hati).*”

(Surah al-Insan 76: 11)

- Hujung lidah diletakkan ke belakang gigi depan bahagian bawah: ( س ز ص )

Huruf ini adalah dari hujung lidah dan bahagian atas gigi kacip bawah. Ada yang menyebutnya dari hujung lidah dan bahagian bawah gigi kacip atas serta antara hujung lidah dan kedua-dua gigi kacip. Semua ini sebenarnya adalah pendapat yang sama, cuma dinyatakan dengan cara yang berbeza.

وَمَا دُبِحَ عَلَى النَّصْبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ٣

Maksudnya: “Dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah.”

(Surah al-Maidah 5: 3)

Huruf-huruf ini dinamakan dengan huruf Safir, yang juga akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam topik Sifat Huruf.

- Hujung lidah ditekan ke pangkal gigi depan bahagian atas: ( د ط ت )

Huruf ini dilafazkan apabila hujung lidah menyentuh garisan gusi gigi kacip atas.

فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا

Maksudnya: “Maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah debu yang bersih”

(Surah al-Maidah 5: 6)

- Hujung lidah dikeluarkan sedikit dan ditekan di hujung gigi depan bahagian atas: ( ذ ث ظ )

Huruf ini adalah dari hujung lidah dan bahagian atas gigi kacip atas.


فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “Makanlah daripada makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini, (jika kamu menghampirinya) maka akan jadilah kamu daripada orang-orang yang zalim.”

(Surah al-A'raaf 7: 19)

#### 4) AS-SYAFATAIN

As-syafatain bermaksud bibir mulut. Terdapat empat huruf Syafatain, iaitu: ( ف و م ب ) . Bibir berfungsi sebagai titik makhraj bagi dua bahagian utama, iaitu:



- Bahagian dalam bibir bawah yang menekan gigi kacip atas menghasilkan bunyi huruf fa (ف).

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ

*Maksudnya: "Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau reda dan berpuas hati."*

(Surah ad-Dhuha 93: 5)

- Ruang di antara kedua-dua bibir membentuk bunyi huruf waw (و), ba (ب) dan mim (م).

Huruf و yang disebutkan di sini adalah huruf و yang berfungsi sebagai konsonan, bukanlah و huruf mad yang disebutkan sebelum ini bagi makhraj al-jauf.

وَلَهَا كِتَابٌ مَّعْلُومٌ


*Maksudnya: "Melainkan ada baginya tempoh yang tertentu dan termaklum."*

(Surah al-Hijr 15: 4)

Peranan bibir dalam sebutan sangat penting dan tidak terhad kepada huruf-huruf di atas sahaja. Mengabaikan kedudukan bibir boleh menyebabkan kesilapan dalam sebutan. Sebagai contoh, ketika menyebut kasrah, mulut perlu ditarik mendatar seperti senyuman supaya terhasil bunyi “i” yang jelas dan tidak menyerupai bunyi “e”.

## 5) AL-KHAISYUM

Al-khaisyum bermaksud rongga hidung. Makhraj Khaisyum khusus untuk *ghunnah* (الغنة) atau dengung sahaja. Dengung mestilah dikeluarkan melalui rongga hidung. Dengung ini hanya berlaku pada huruf mim ( م ) dan nun ( ن ) yang berharis mati dan *syaddah*, iaitu sabdu.



Secara teknikalnya, *ghunnah* ialah bunyi sengau yang datang dari *khaisyum* atau hidung sementara lidah tidak memainkan apa-apa peranan dalam sebutannya. Pada hakikatnya, *ghunnah* ialah sifat tetap atau *permanent attribute* yang terdapat pada setiap nun dan mim. Bukti bahawa ia adalah sifat tetap bagi kedua-dua huruf ini adalah apabila seseorang menutup kedua-dua lubang hidungnya dan cuba menyebut huruf-huruf ini, bunyinya akan menjadi cacat dan huruf tersebut tidak akan dapat dilafazkan dengan betul.

Ghunnah pada huruf musyaddad (مُشَدَّد) atau huruf yang bertanda syaddah atau sabdu, ataupun ketika dalam keadaan ikhfa' atau idgham adalah lebih jelas berbanding ketika huruf nun atau mim itu mutaharrik (مُتَحَرِّك), iaitu huruf tersebut berbaris selain sukun seperti baris fathah, kasrah atau dhammah.

Contoh bacaan huruf musyaddad (مُشَدَّد) adalah:

عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ ۱

Maksudnya: "Tentang apakah mereka bertanya-tanya?"

(Surah an-Naba' 78: 1)

Contoh bacaan ketika dengung adalah:

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْرُونَ ۝۳

Maksudnya: "Dan apa-apa nikmat yang ada pada kamu maka adalah ia dari Allah; kemudian, apabila kamu ditimpa kesusahan maka kepada-Nyalah kamu meraung meminta pertolongan."

(Surah an-Nahl 16: 53)

Perbandingan bagi huruf nun *musyaddad* (مُشَدَّد) dan nun *mutaharrik* (مُتَحَرِّك) boleh dilihat pada petikan ayat ini:

يَا مُوسَىٰ إِنَّهُ أَنَا اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: "(Allah berfirman), "Wahai Musa! Sesungguhnya Aku adalah Allah, Yang Maha Perkasa, Maha Bijaksana."

(Surah an-Naml 27: 9)

## **PENUTUP**

Sebagai penutup, pemahaman tentang makhraj huruf merupakan asas penting dalam memastikan bacaan al-Quran kekal tepat dan terpelihara. Dengan memberi perhatian kepada cara keluarnya huruf, kita bukan sahaja mengelakkan kesalahan bacaan tetapi juga menunaikan adab terhadap kalam Allah yang mulia. Usaha mempelajari dan melatih makhraj ini wajar diteruskan sehingga menjadi kebiasaan dalam setiap bacaan agar al-Quran dibaca dengan ketelitian, keindahan dan penuh penghayatan.

## SESI KETIGA

# SIFAT HURUF

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir pembelajaran topik *Sifat Huruf*, pelajar akan dapat memahami maksud sifat huruf serta peranannya dalam membezakan bunyi huruf yang berkongsi makhraj yang sama. Pelajar mampu mengenal pasti sifat-sifat asas huruf serta menjelaskan bagaimana sifat-sifat ini mempengaruhi cara sebutan. Pelajar juga dapat membezakan huruf yang hampir sama melalui sifatnya. Akhir sekali, pelajar dapat menerapkan pengetahuan sifat huruf dalam bacaan al-Quran agar sebutan menjadi lebih tepat, jelas dan mengikut kaedah tajwid yang sah.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Maksud dan Pembahagian Sifat Huruf
- Sifat Lazimah (Mumayyizah)
- Sifat Lazimah (Muhassinah)
- Sifat Aridah

## SESI KETIGA: SIFAT HURUF

### PENDAHULUAN


Setelah kita memahami mengenai makhraj huruf, kita beralih pula kepada aspek penting seterusnya yang tidak asing lagi, iaitu Sifat Huruf. Pengajian ini disusun bagi membantu supaya memahami ciri-ciri bunyi huruf hijaiyyah yang membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain. Penguasaan sifat huruf amat penting kerana ia melengkapkan pengetahuan makhraj dan membantu menghasilkan bacaan al-Quran yang lebih tepat, jelas dan fasih selaras dengan kaedah tajwid yang betul.

### MAKSUD SIFAT HURUF

Sifat dapat difahami ia secara literal bermaksud kualiti, sifat dan ciri. Sifat-sifat ini kadangkala boleh menjadi ciri fizikal seperti hitam atau putih atau boleh juga menjadi ciri abstrak, sebagai contoh ilmu seseorang.

Sifat ialah kata jamak daripada perkataan sifah. Sifat huruf yang dimaksudkan ialah sifat-sifat yang berkait rapat dengan sebutan sesuatu huruf, sama ada sifat itu intrinsik (asal huruf) atau berdasarkan kepada keadaan.

Memahami sifat huruf ini adalah merupakan pelengkap kepada ilmu makhraj huruf yang sudah dipelajari pada sesi kedua. Dengan mengetahui sifatnya, kita dapat membezakan lafaz sebutan bagi huruf yang makhrajnya sama. Tambahan pula, kita akan dapat mengenal huruf yang kuat dan lemah atau huruf yang dilafazkan secara tebal dan tipis kerana sifat yang wujud pada hurufnya.

Sifat huruf juga membantu memperkemaskan ketepatan sebutan suatu huruf supaya dapat dilafazkan dengan betul, terutamanya bagi huruf yang hampir sama sebutannya seperti huruf  dengan (س), (ح) dengan (ه).

## **PEMBAHAGIAN SIFAT HURUF**

Sifat huruf terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

1) Sifat Lazimah (sifat-sifat tetap/permanent attributes)

Sifat lazimah ialah ciri kekal yang pasti ada bagi setiap sebutan huruf dalam semua keadaan, tidak terpisah dari suatu huruf itu sama ada pada keadaan berbaris mahupun mati. Hal ini bermaksud sesuatu huruf itu tidak akan wujud tanpa sifat tersebut.

2) Sifat 'Aridah (sifat sementara/*temporary attributes*)

Dalam keadaan tertentu, sifat-sifat ini terdapat pada huruf dan pada waktu lain ia tidak wujud. Ini yang dimaksudkan dengan sementara, bergantung kepada sesuatu keadaan.

Setiap huruf sekurang-kurangnya mempunyai lima sifat daripada sifat-sifat yang berlawanan dan kadang-kadang ditambah satu/dua sifat daripada bahagian sifat-sifat tunggal.

## SIFAT TETAP ATAU LAZIMAH

Sifat tetap dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

- **Mutadaddah (مُتَضَادَّة)**, iaitu yang mempunyai pasangan bertentangan

Oleh sebab sifat-sifat ini adalah sifat tetap, mustahil mana-mana huruf hijaiyyah tidak memiliki salah satu daripadanya. Juga disebabkan sifat ini saling bertentangan, mustahil kedua-dua sifat bertentangan wujud bersama dalam satu huruf. Maka, setiap huruf dalam bahasa Arab **mesti memiliki salah satu** daripada pasangan sifat ini.

Terdapat 10 sifat yang tergolong dalam kategori ini:

- Hams lawannya jahr.
- Syiddah lawannya rakhawah (pertengahan bagi kedua-dua sifat ini dinamakan tawasut).
- Isti'la' lawannya istifal.
- Itbaq lawannya infitah.
- Izlaq lawannya ismat.

Seterusnya, mari kita menelusuri satu per satu sifat yang tergolong di dalam kategori mutadaddah ini.

### 1. Hams (همس)

Dari sudut bahasa, ia bermaksud sembunyi atau senyap. Hams diistilahkan sebagai suara lemah menyebut huruf-huruf ini kerana lemahnya suara berpegang pada makhraj dan ini menyebabkan terlepas nafas. Oleh sebab itulah huruf-hurufnya dinamakan mahmusah.

Terdapat 10 huruf yang bersifat hams dan dihimpunkan dalam lafaz:

فَحْتُهُ شَخْصٌ سَكَّتْ

Huruf-hurufnya adalah:

ف ح ث ه ش خ ص س ك ت

Nafas atau udara mengalir dengan mudah ketika menyebut huruf ini kerana terbukanya tekak dan tekanan yang lemah pada makhrajnya, yang membolehkan nafas mengalir.

Oleh itu, huruf-huruf ini lebih lembut dalam sebutannya, berbanding dengan huruf-huruf lawannya, iaitu jahr.

## 2. Jahr (جهر)

Dari sudut bahasa, ia bermaksud jelas dan terang. Jahr diistilahkan dengan suara kuat menyebut huruf kerana kekuatan berpegang kepada makhraj sehingga menahan daripada terlepasnya nafas. Huruf-huruf yang tergolong dalam kumpulan ini dipanggil huruf majhur dan bilangannya adalah selain sepuluh huruf hams yang telah disebutkan sebelum ini.

Bezanya sifat hams dengan sifat jahr ialah huruf hams disebut dengan melepaskan nafas, manakala huruf jahr disebut dengan menahan nafas.

Huruf-hurufnya disusun dalam rangkai kata:

عَظْمٌ وَزُنُّ قَارِيٍّ ذِي غَضِيٍّ جِدِّ طَلْبٍ

Tertahan nafas/udara ketika menyebut huruf-huruf ini kerana tertutupnya tekak dan tekanan yang kuat pada makhrajnya.

## 3. Syiddah (شدة)

Dari sudut bahasa ialah kekuatan. Istilahnya pula bunyi yang dipenjarakan apabila menyebut huruf ini. Al-Qurra menyatakan bahawa kelaziman huruf pada tempatnya kerana kekuatan berpegangnya kepada makhraj sehingga menahannya daripada terlepas suara.

Terdapat lapan huruf yang bersifat syiddah dan disusun dalam rangkai kata:

أَجْدُ قَطِّ بَكْتٍ

Huruf-hurufnya:

ء ج د ق ط ب ك ت

Syiddah berfungsi dengan tertahan suara ketika menyebut huruf kerana tertutup makhrajnya.

## Tawassut (توسط)

Tawassut dari segi bahasa bermaksud pertengahan; dari segi istilah bermaksud pertengahan suara. Tawassut bukanlah sifat yang bebas dan Ulama Qurra mengistilahkan tawassut sebagai huruf-huruf yang mempunyai perantaraan antara sifat syiddah dan sifat rakhawah.

Definisi yang diterapkan adalah bunyi tidak mengalir dalam huruf-huruf ini seperti rakhawah dan juga tidak terpenjara seperti syiddah. Ia bermaksud suara tertahan ketika menyebut hurufnya dan sebahagian suara terlepas kerana itulah ia dinamakan Mutawassat.

Huruf-huruf tawassut adalah tersusun di dalam rangkai kata:

لَيْنُ عُمَرُ

Huruf-hurufnya:

ل ن ع م ر

Cara menyebut huruf ini adalah dengan sederhana, iaitu tidak terlalu tertahan dan tidak terlalu terlepas kerana makhrajnya tidak tertutup atau terbuka sepenuhnya.

### 4. Rakhawah (الرخاوة)

Dari sudut bahasa, rakhawah bermaksud lembut. Al-Qurra mengistilahkan rakhawah sebagai lemahnya pegangan huruf pada tempatnya atau makhrajnya sehingga suara keluar bersama sebutan huruf-hurufnya. Justeru, huruf-huruf yang keluar suara bersama dengan sebutannya dinamakan huruf-huruf al-Rakhawah.

Rakhawah adalah berlawanan dengan maksud syiddah dan juga tawassut. Ia adalah satu-satunya sifat yang mempunyai dua lawan. Berlainan dengan sifat-sifat lain yang hanya mempunyai satu lawan.

Huruf-huruf Rakhawah adalah selain huruf-huruf syiddah dan tawassut.

Dalam rangkai kata:

حُدَّ عَتَّ حَظَّ قَضَّ شُوَصِّ زَيَّ سَاه

Huruf-hurufnya:

ث ح خ ذ ز س ش ص ض ظ غ ف و ه ي

Cara sebutan huruf ini adalah terlepas suara kerana terbuka makhrajnya.

#### 5. Isti'la' (الإستعلاء)

Isti'la' dari sudut bahasa ialah terangkat, manakala dari sudut istilah pula ialah lidah terangkat ke langit atas ketika menyebut huruf-hurufnya. Ibn al-Jazari menyebutnya sebagai tujuh huruf yang ditinggikan.

Definisi terangkat yang dimaksudkan ialah naiknya bahagian belakang lidah ketika menyebut huruf-huruf ini dan disebabkan ini, huruf ini disebut dengan sebutan yang tebal atau tafkhim. Pada masa yang sama, suara juga akan terangkat atau memenuhi ruangan mulut ketika menyebut hurufnya. Ini bertentangan dengan sifat yang akan disebut selepas ini, iaitu istifal. Huruf-huruf isti'la' ada tujuh, dan dihimpunkan dalam lafaz :

حُصَّ ضَعُطِ قِظْ

Huruf-hurufnya:

ص ض ط ظ ق غ خ

Lidah terangkat ke langit ketika menyebut huruf dengan meninggikan pangkal lidah serta menjatuhkan rahang ke bawah.

#### 6. Istifal (استفال)

Dari sudut bahasa, ia bermaksud merendahkan atau menurunkan. Definisi yang digunakan dalam tajwid ialah keadaan di mana bahagian belakang lidah tidak terangkat, sebaliknya diturunkan ketika menyebut huruf-huruf ini. Apabila bahagian belakang lidah berada pada posisi rendah, huruf tersebut dibaca dengan bunyi yang nipis, iaitu tarqiq.

Bilangan huruf-huruf istifal ialah sebanyak 22 huruf, iaitu selain daripada huruf-huruf isti'la'.

Dalam rangkai kata:

تَبَّتْ عِرُّ مَنْ يُجَوِّدُ حَرْفَهُ إِنْ سَلَّ شَكَا

Lidah tidak terangkat ke lelangit ketika menyebut huruf dengan merendahkan pangkal lidah serta rahang berada di kedudukan biasa.

#### 7. Itbaq (اطباق)

Itbaq dari sudut bahasa ialah melekat. Ulama Tajwid mendefinisikannya dengan melekat sebahagian lidah ke lelangit atas atau hampir dengan lelangit ketika menyebut huruf-hurufnya.

Setiap huruf itbaq mempunyai sifat isti'la' di dalamnya tetapi bukan setiap huruf isti'la' mempunyai sifat itbaq. Hal ini demikian kerana sifat itbaq yang melibatkan pelekatan lidah pada lelangit mewujudkan rongga di dalam mulut, lalu menghasilkan bunyi yang lebih penuh dan tebal. Sebaliknya, bagi huruf ق غ خ tidak begitu tegas kerana mereka hanya mempunyai isti'la' dan bukannya itbaq.

Huruf-huruf bagi itbaq adalah sebanyak empat huruf, iaitu:

ص ض ط ظ

Himpit tepi lidah ke lelangit lembut ketika menyebut huruf yang menyebabkan suara terhimpit antara kedua-duanya.

#### 8. Infitah (انفتاح)

Al-Infitah dari sudut bahasa ialah renggang atau terbuka. Ulama Tajwid telah memberi takrif dari sudut istilah infitah ialah terdapat renggangan atau bukaan antara lidah dengan lelangit atas ketika menyebut huruf-hurufnya. Dengan itu, suara tidak dapat ditahan antara lidah dengan lelangit atas kerana keterbukaan rongga menyebabkan huruf-huruf ini mempunyai bunyi yang nipis.

Bilangan huruf-hurufnya ialah 25 huruf atau selain daripada empat huruf itbaq dalam rangkai kata:

مِنْ أَخَذَ وَجَدَ سَعَةً فَرَكَ حَقُّ لَهُ شُرْبُ غَيْثٍ

Merenggang tepi lidah dari lelangit lembut ketika menyebut huruf dan melepaskan suara dengan lapang dan terbuka.

Perlu diingat bahawa sifat tinggi, rendah, menyelubungi dan membuka dalam isti'la', istifal, itbaq dan infitah tidak berlaku pada huruf itu sendiri tetapi pada pergerakan lidah. Hal ini berbeza dengan sifat-sifat lain seperti hams, jahr, syiddah dan rakhawah yang berkaitan dengan aliran atau penahanan nafas serta kejelasan bunyi ketika melafazkan huruf.

#### 9. Izlaq (اذلاق)

Izlaq menurut bahasa ialah tergelincir atau terlepas. Secara terperinci ialah menyebut hurufnya dengan mudah dan lancar. Izlaq juga bermaksud hujung, titik dan tepi kerana huruf ini disebut dari hujung lidah pada huruf ل ن ر dan bibir pada huruf ف م ب. Oleh sebab sebahagiannya keluar daripada hujung lidah dan sebahagian lagi keluar daripada dua bibir mulut, maka ia dapat disebut dengan cepat dan lancar.

Rangkai kata huruf-huruf zalaqah ialah:

فَرَّ مِنْ لُبِّ

Huruf-hurufnya:

ف ر م ن ل ب

Lancar sebutan kerana makhraj hurufnya keluar daripada pinggir lidah atau bibir.

#### 10. Ismat (اصمات)

Ismat dari sudut bahasa ialah pencegahan atau menahan. Manakala dari sudut istilah pula ia adalah mencegah hurufnya tersusun dalam percakapan Arab dalam kalimah yang mempunyai empat huruf atau lima huruf kerana lidah berat menyebutnya.

Secara teknikalnya, sifat ismat mewajibkan kemasukan huruf izlaq untuk memudahkan sebutan sesuatu perkataan Arab yang akar hurufnya, sama ada empat atau lima, tidak mempunyai huruf izlaq. Ringkasnya, huruf izlaq hadir untuk menggantikan kesulitan sebutan yang wujud pada huruf-huruf ismat. Oleh itu, jika tiada satu pun huruf izlaq terdapat dalam perkataan yang mempunyai empat atau lima huruf akar, maka perkataan tersebut dianggap sebagai kata asing yang telah diserap ke dalam bahasa Arab, seperti perkataan عسجد yang bermaksud emas.

Sifat ismat merangkumi semua huruf selain huruf izlaq. Hakikatnya, sifat izlaq dan ismat tidak memberi kesan kepada cara bacaan, tidak seperti sifat-sifat huruf yang lain kerana kedua-duanya lebih berkait dengan aspek linguistik dalam bahasa Arab berbanding pengucapan.

Justeru, kalimah tersebut mestilah terdapat huruf al-Izlaq bagi mengimbangi antara berat dengan ringan. Bilangan huruf-hurufnya ialah 23 huruf dan dinamakan huruf-huruf Musmatah.

Dalam rangkaian kata:

جَزُّ غَشِّ سَاخِطٍ صَدِّ ثِقَةٍ إِذْ وَعَظُهُ يَحُضُّكَ

Tersekat sebutan kerana makhraj hurufnya jauh dari pinggir lidah atau bibir.

## **MUHASSINAH**

Bagi topik ini, disebutkan pula sifat-sifat yang tidak berlawanan. Sifat-sifat ini juga bersifat tetap atau lazimah, iaitu adalah mustahil bagi setiap huruf yang mempunyai sifat ini terpisah daripadanya. Namun begitu, sifat-sifat ini tiada pasangan bertentangan dan ia hanya terpakai kepada huruf-huruf tertentu dalam abjad Arab.

## **SIFAT 'ARIDAH ATAU SEMENTARA**

Terdapat tujuh sifat yang tergolong dalam kategori ini:

1. Safir (صفير) atau Siulan

Safir ialah bunyi siulan atau desisan. Bunyi siulan ini adalah suara yang menyerupai suara unggas atau haiwan kerana menyebut hurufnya dengan bunyi berdesir dan kuat dari antara dua bibir mulut.

Bunyi ini terdapat pada tiga huruf, iaitu (ز), (ص), dan (س).

Bunyi desiran yang berlaku pada huruf sad adalah paling kuat dibanding zay dan sin. Perbezaan sifat safir dengan hams adalah desiran nafas yang lebih kuat berbanding dengan hams yang sekadar membunyikan hurufnya dengan hembusan nafas yang lebih ringan.

## 2. Qalqalah (قفلته) atau Pantulan

Qalqalah ialah bunyi lantunan suara kerana gegaran yang kuat semasa menyebut hurufnya dan dilepaskan dalam masa yang singkat.

Kesemua huruf qalqalah ini mempunyai sifat jahr dan shiddah. Jahr menyebabkan nafas terpenjara manakala shiddah menyebabkan bunyi terpenjara. Jika nafas dan bunyi tersumbat di dalam makhraj, tiada apa yang keluar daripada mulut dan menjadikan huruf terakhir adalah tidak jelas kerana huruf bergantung kepada nafas dan bunyi untuk sebutannya. Gangguan pada makhraj dan keperluan untuk memperjelaskan huruf tersebut menyebabkan terhasilnya qalqalah.

Terdapat lima huruf qalqalah, iaitu (ق) (ط) (ب) (ج) (د); dan dihimpunkan dalam lafaz :

قُطِبُ جَدِّ

Ada yang beranggapan bahawa qalqalah ialah sifat sementara kerana ia hanya kelihatan apabila huruf-hurufnya berbaris sukun. Namun, para ulama menyepakati bahawa apabila huruf-huruf tersebut berada dalam keadaan sukun, sifat qalqalah akan muncul dengan jelas. Walau bagaimanapun, memandangkan huruf-huruf ini memiliki dua sifat hakiki, iaitu *jahr* dan *syiddah*, maka tidak wajar dikatakan bahawa qalqalah itu bersifat sementara. Ia sebenarnya merupakan sifat yang kekal, sama ada huruf tersebut berbaris hidup ataupun berbaris sukun. Hal ini juga dirujuk dan disokong oleh kitab-kitab tajwid terdahulu yang tidak pernah menyatakan bahawa qalqalah adalah sifat sementara.

Penerangan lanjut mengenai pembahagian dan jenis qalqalah akan dibincangkan di dalam modul tajwid seterusnya.

## 3. Lin (لين) atau Lembut

Lin bermaksud lembut, iaitu merujuk kepada cara bacaan yang disebut dengan lembut dan mudah.

Hurufnya ada dua, iaitu (و) dan (ي). Pembunyian dengan sifat lin hanya berlaku apabila salah satu huruf tersebut berharis sukun atau mati, dan sebelumnya adalah huruf yang berharis atas.

Contohnya (و) dalam kalimah khawf (خَوْف) dan (ي) dalam kalimah bayt (بَيْت).

#### 4. Inhiraf (إنحراف) atau Lencongan

Inhiraf bermaksud condong atau menyimpang. Dapat difahami bahawa huruf yang pengucapannya lentur setelah keluar dari hujung lidah. Hurufnya ada dua, iaitu (ل) dan (ر)

**Inhiraf huruf LAM (ل)** ialah condongan suara ke dua-dua sisi hujung lidah kerana hujung lidah menghalang laluan suara.

**Inhiraf huruf RA (ر)** pula adalah sebaliknya, iaitu suara keluar dari dua sisi hujung lidah dan condong menuju ke bahagian tengah lidah.

#### 5. Takrir (تكرير) atau Getaran

Takrir bermaksud berulang. Hurufnya satu saja, iaitu (ر). Dinamakan takrir kerana bunyi unik ra yang bergetar secara berulang untuk menyebutkan huruf ini. Walau bagaimanapun, getaran yang dibenarkan adalah sekali sahaja, lebih-lebih lagi pada keadaan sabdu.

Huruf ra juga merupakan satu-satunya huruf dengan tujuh sifat, iaitu:

- Jahr (jelas).
- Tawassuth (pertengahan-bacaan tidak terlalu kuat dan tidak terlalu lemah).
- Istifal (rendah).
- Infithah (terbuka).
- Idzlaq (ringan).
- Inhiraf (condong).
- Takrir (getar) (sifat khusus).

Selain tujuh sifat ini, huruf ra juga mempunyai dua sifat tambahan, iaitu tafkhim (tebal) dan tarqiq (nipis). Pembahagian ini juga akan dibincangkan di dalam modul Khas Tajwid yang akan dibawakan oleh Madkhal selepas daripada modul Sifat Huruf ini.

#### 6. Tafasyi (تفشي) atau Hamburan

Tafasyi bermaksud tersebar atau berhamburan. Hurufnya satu sahaja, iaitu syin (ش). Dinamakan tafasyi kerana bunyi unik syin yang tersebar dan berhamburan di kawasan hujung lidah.

#### 7. Istitalah (إستطاله) atau Memanjang

Istitalah bermaksud memanjang. Ini dapat difahami dengan pemanjangan bunyi huruf “dad” dari awal sehingga akhir makhrajnya, iaitu dari awal sisi lidah oleh gigi geraham atau geraham belakang sehingga akhir dengan makhraj huruf “lam”. Hurufnya satu sahaja, iaitu (ض). Dinamakan istitalah kerana makhraj (ض) yang memanjang di sebelah kiri atau kanan lidah.

### **SIFAT ‘ARIDAH ATAU SEMENTARA**

Sifat aridah adalah bersifat sementara dan boleh berubah pada sesuatu huruf bergantung kepada keadaan tertentu, seperti tarqiq (nipis), tafkhim (tebal), ghunnah (dengung), idgham (memasukkan), ikhfa’ (menyamarkan huruf), serta harakat panjang dan pendek.

Perincian mengenai bab ini akan diterangkan secara lebih terperinci pada modul seterusnya oleh Madkhal, iaitu Modul Tajwid. Dalam modul ini, kita akan merungkai satu persatu penjelasan yang lebih mendalam beserta contoh-contoh di dalam ayat al-Quran bagi membantu memahami kaedah bacaan al-Quran yang tepat serta mengaplikasikannya dengan betul ketika membaca al-Quran.

## **PENUTUP**

Sebagai kesimpulan, penguasaan sifat huruf memainkan peranan penting dalam memperelokkan dan memperkemaskan lagi bacaan al-Quran. Diharapkan melalui modul ini, pelajar dapat mengaplikasikan sifat-sifat huruf dalam bacaan harian serta meningkatkan kualiti bacaan agar lebih tartil dan beradab dalam membaca Kalamullah. Bagi mendapatkan bacaan dan semakan huruf yang tepat, berlatih bersama dengan guru adalah cara terbaik agar lafaz huruf adalah baik dan sempurna.

## **BAHAGIAN C: SENARAI RUJUKAN**

1. Lali'un Naqiyyah, Muhammad Saleem bin Isma'il Gaibie. *Syarah Muqaddimah al-Jazariyyah* (Matn al-Jazariyyah).
2. Syeikh Sulayman al-Jamzuri. *Tuhfatul Atfal*.
3. Sheikh Muhammad al-Mahmoud. *Hidayatul Mustafid fi Ahkam al-Tajwid*.